

Pertukaran jarum berkesan sekata HIV

B-H m/s 10 23.4.07

Kerajaan proaktif laksana program kurangkan risiko jangkitan penyakit

Oleh Jami'ah Shukri

MATLAMAT kerajaan menyekat penularan penyakit HIV/Aids, Hepatitis B dan Hepatitis C yang dibawa penagih dadah menerusi Program Pertukaran Jarum Suntikan kepada golongan itu memberikan satu lembaran baru ke arah mewujudkan suasana bebas penyakit berkenaan di negara ini.

Projek perintis program itu yang dilaksanakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor, sejak Februari tahun lalu membabitkan 1,380 penagih dadah seakan menunjukkan hasil positif. Menerusi program itu, 37 peratus daripada peserta program menerima jarum bersih sekali sebulan sebagai gantian kepada jarum yang sudah diguna atau tercemar.

Justeru, Program Pertukaran Jarum Suntikan bagi penagih dadah itu akan diperluaskan Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi lain ke Kuantan, Kota Bharu dan Alor Star, bagi tujuan sama dengan mensasarkan 3,000 penagih dadah mengikuti program terbabit, tahun ini.

Walaupun, sebelum ini cadangan itu mendapat bantahan keras pelbagai pihak terutama golongan ulama, kerajaan mempunyai alasan tersendiri iaitu untuk mengurangkan risiko jangkitan penyakit di kalangan penagih dadah yang gemar berkongsi jarum suntikan.

Kerajaan memperuntukkan RM2.39 juta bagi membekalkan bahan itu untuk tempoh enam bulan dengan melantik 10 klinik mengendalikan projek berkenaan dan setiap satu menguruskan 120 penagih.

Bagi memastikan program itu berjalan lancar dan tidak menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat, kementerian menubuhkan pasukan petugas yang dianggotai Yayasan Pencegahan Aids Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan polis bagi memantau serta merangka strategi melaksanakan program pertukaran jarum dan pengagihan kondom percuma kepada penagih dadah.

INFO

Risiko jangkitan HIV



- **Kebarangkalian risiko penagih terdedah kepada jangkitan HIV ialah sebanyak 7 kali ganda berbanding cara lain pengambilan dadah.**
- **80 peratus penagih dadah suntikan, aktif dalam perhubungan seks, sama ada dengan isteri, teman wanita atau pelacur, manakala hanya 15 peratus yang menggunakan kondom.**
- **RM19 juta setahun diperuntukkan untuk memulih 5,200 penagih dadah di 28 pusat Serenti.**
- **22,811 penagih baru dikesan dan 12,430 daripadanya penagih berulang.**
- **20 kes baru HIV dilaporkan setiap hari di negara ini.**
- **300,000 penduduk tempatan dijangka dijangkiti HIV menjelang 2015 dan lebih sejuta penagih dadah.**
- **Projek perintis Program Pertukaran Jarum Suntikan kepada penagih dadah membabitkan 1,380 penagih dadah di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang sejak Februari 2006.**
- **Sasaran tahun ini, 3,000 penagih dadah untuk program sama di Alor Star, Kuantan dan Kota Bharu**
- **72 peratus kes baru jangkitan HIV/Aids, didapati guna kongsi jarum.**

Pada dasarnya, pelaksanaan program itu boleh dijadikan kayu pengukur untuk mengurangkan risiko kadar jangkitan penyakit itu di negara ini.

Statistik kes baru HIV/Aids di negara ini, menunjukkan 72 peratus daripadanya berlaku di kalangan penagih dadah secara suntikan dan ternyata penyebaran penyakit itu berpunca daripada perkongsian jarum suntikan.

Kajian menunjukkan, perkongsian jarum suntikan itu menyebabkan penagih lebih terdedah enam kali ganda jangkitan penyakit berkenaan berbanding mengambil dadah cara lain.

Malah, kajian yang pernah dilakukan pada 1998 oleh Jawatankuasa Kecil Kabinet mengenai Rawatan dan Pemulihan Penagih Dadah kepada 6,326 penagih di 26 pusat pemulihan dadah, mendapati 65 peratus daripada mereka mengambil dadah secara suntikan lebih tiga kali sehari serta berkongsi jarum dengan lebih lima orang.

Apabila mereka berkongsi jarum, kebarangkalian risiko penagih terdedah kepada jangkitan HIV sebanyak tujuh kali ganda berbanding cara lain pengambilan dadah.

Kajian ini juga menunjukkan 80 peratus penagih dadah suntikan aktif dalam perhubungan seks, sama ada dengan isteri, teman wanita atau pelacur, manakala hanya 15 peratus mengguna kondom.

Jika keadaan itu berterusan, tidak mustahil ia boleh mencapai tahap darurat. Oleh itu, kerajaan terus proaktif melaksanakan pelbagai program bagi mengekang penularan penyakit berkenaan dalam apa juga sekali pun.

Bekas Presiden Yayasan Pencegahan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir sebelum ini dilaporkan sebagai berkata, pemberian jarum suntikan dan kondom percuma kepada penagih dadah turut diamalkan di Iran dan China bagi tujuan sama.

Pelaksanaan itu adalah semata-mata sebagai alternatif berkesan mengelakkan ia

semakin berleluasa dan tidak bertujuan membelakangkan syariat Islam dengan menggalakkan perzinaan.

Program membanteras kegiatan penagih dadah di negara ini bukan satu perkara mudah dan ia perlu dilakukan secara berterusan.

Kerajaan juga memperuntukkan kos tinggi bagi tujuan itu. Ketika ini saja, sebanyak RM19 juta setahun diperuntukkan untuk menanggung pemuliharaan 5,200 penagih dadah yang ditempatkan di 28 pusat serenti di seluruh negara.

Statistik tahun lalu menunjukkan, 22,811 penagih baru dikesan dengan 12,430 daripadanya adalah penagih berulang.

Malah, kini, negara bakal menghadapi cabaran baru dalam menangani penyakit HIV/Aids, kerana mempercayai wabak penyakit itu tidak saja berlaku kepada penagih dadah, malah ia sudah menampakkan tanda penularan di kalangan nelayan, pemandu lori jarak jauh, pekerja kilang, kakitangan swasta dan wanita (suri rumah).

Kajian Kementerian Kesihatan mendapati kira-kira 20 kes baru HIV dilaporkan setiap hari dan menganggarkan kira-kira 300,000 penduduk tempatan akan dijangkiti penyakit itu menjelang 2015 dan lebih sejuta penagih dadah. Jika program pencegahan dan kawalan tidak dilaksanakan secara menyeluruh pasti ia memberi cabaran cukup hebat kepada negara.

Walau apa pun alasannya, program Pertukaran Jarum Suntikan itu perlu dilihat dalam perspektif lebih luas dan menyeluruh dan tidak seharusnya difikirkan secara dangkal. Yang pasti, program itu hanya dikhususkan kepada sebilangan golongan sasar tertentu, iaitu penagih dadah tegar dan bukan diberi percuma kepada sesiapa saja tanpa siasatan terperinci.

Ketika ini belum ada vaksin yang ditemui untuk mencegah jangkitan HIV dan menyembuhkan Aids. Mungkin cara berkenaan dianggap sebagai alternatif untuk menangani isu berkenaan.